

23 JUL 2000

Norian-Ma'unah

AL-MA'UNAH RANCANG ISYTIHAR PERANG SYAHID TERHADAP KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Kumpulan Al-Ma'unah merancang menggunakan internet untuk mengisytiharkan perang syahid terhadap kerajaan bagi menggembelng sokongan pihak-pihak lain agar menimbulkan huru hara besar-besaran di seluruh negara, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai.

"Mereka sedar bahawa selama ini ramai yang bercakap mengenai mati syahid, mengenai perjuangan menentang kerajaan dan jihad...jadi mereka menganggap bahawa kumpulan-kumpulan ini akan membantu kalau ada peristiwa huru hara dimulakan.

"Tetapi sebagaimana kita maklum, itu tidak berlaku di negara kita," katanya dalam wawancara khas di TV1 hari ini mengenai peristiwa Sauk dan ancaman terhadap keselamatan negara.

Norian berkata bahawa selepas sahaja merompak dua kem tentera di Grik, ketua kumpulan itu (Mohamed Amin Razali) mengarahkan sebahagian anggotanya ke ibu negara pada subuh 2 Julai dan menembak tiga sasaran bagi memulakan arus pertama huru hara itu.

Katanya itu dilakukan dengan harapan seruan-seruan yang akan mereka keluarkan kemudiannya melalui laman web mendapat sokongan.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beberapa anggota kumpulan itu menggunakan pelancar roket menembak sebuah kilang arak di Shah Alam dan sebuah kuil Hindu tetapi tiada apa-apa berlaku kerana mereka tidak mahir menggunakan senjata itu.

Dalam wawancara hari ini, Norian berkata : "Apabila huru hara ini dimulakan, satu bahagian daripada kumpulan ini akan membuat pengumuman melalui web dia, melalui komputer dia, internet dia untuk mengumumkan bahawa perang syahid telah dimulakan.

"Dan mereka menjangkakan bahawa pihak-pihak yang menentang kerajaan, yang menentang keselamatan akan bersama-sama memulakan huru hara di negara ini."

Dalam wawancara selama 45 minit itu, Norian, yang merupakan pengarah gerakan pihak berkuasa sehingga kumpulan 27 lelaki itu menyerah diri di Sauk, ditemubual oleh wartawan RTM Hashim Abu Hanifah dan Pengarang Kumpulan New Straits Times Ahmad Talib.

Menjawab soalan bagaimana tiga atau empat anggota kumpulan itu yang membawa sepucuk pelancar bom tangan boleh terlepas ke ibu negara, Norian berkata pada peringkat itu (subuh 2 Julai) polis belum lagi mendapat tahu dan belum lagi mengadakan sekatan jalan raya.

Kumpulan tiga atau empat orang itu berjaya ditangkap dan senjata berkenaan dirampas semula di Sungai Petani.

Ketua Polis Negara itu berkata sokongan yang kumpulan Al Ma'unah yakin akan diperolehi mereka ialah daripada kumpulan-kumpulan lain dalam bentuk memperjuangkan matlamat yang sama.

"Saya tidak ada bukti-bukti pada peringkat ini untuk mengatakan mereka ini mempunyai hubungan dengan pertubuhan dan kumpulan lain dalam negara kita," katanya.

Norian berkata ketua Al-Ma'unah bertujuan mewujudkan satu perjuangan mujahidin di Malaysia, malah memanggil dirinya sebagai ketua kumpulan Mujahidin Malaysia yang kononnya ingin menentang semua kemungkaran dalam negeri dan juga di luar negara.

Katanya, walaupun di peringkat awal anggota-anggota kumpulan itu tertarik untuk mempelajari ilmu kebomohan batin atau seni mempertahankan

diri dengan menggunakan ilmu batin tetapi apabila setelah lama, pemimpinnya akan memilih antara penuntut itu yang sesuai untuk menjadi kumpulan elitnya.

"Jadi, perkembangan dalam pertubuhan itu berperingkat-peringkat, bukan terus menjadi ahli yang sudah mengamalkan sifat untuk mati syahid atau berjihad...di peringkat awal kelihatan begitu baik dan beransur-ansur ditiupkan semangat jihad," katanya.

Kepada soalan sama ada mereka terpengaruh dengan kumpulan militan luar negara, Norian berkata perkara itu belum dapat dipastikan tetapi daripada pemerhatian polis, mereka terpengaruh melalui pembacaan, ucapan-ucapan yang disampaikan di masjid-masjid dan kaset yang menyentuh tentang jihad dan mati syahid.

"Melalui proses ini secara beransur-ansur ditanamkan semangat militan kepada pengikut yang berminat sahaja," katanya.

Polis mendapati ada juga anggota pertubuhan itu yang tidak berminat untuk berjuang secara militan.

Katanya, kumpulan itu berdaftar secara sah dan matlamat asalnya tidak bercanggah dengan undang-undang tetapi ia mula lari daripada tujuannya di awal tahun 2000 dan semangat untuk melancarkan kegiatan militan hanya wujud mulai Mac tahun ini.

-- BERNAMA

MNY ZS MAI